



Translated: January 2026

# Hepatitis B

- **Hepatitis B, juga disebut 'hep B', ialah virus yang menyebabkan keradangan (pembengkakan) hati.**
- **Virus hepatitis B terutamanya berjangkit melalui sentuhan darah ke darah, tetapi juga boleh berjangkit melalui hubungan seks.**
- **Terdapat vaksin untuk mencegah hepatitis B.**

Hepatitis bermaksud keradangan hati. Penyakit ini boleh disebabkan oleh virus seperti hepatitis A, B, C, D, E dan G, alkohol, beberapa bahan kimia, atau ubat-ubatan.

Virus hepatitis B berbeza dengan [hepatitis A](#) dan [hepatitis C](#).

Jika anda dijangkiti hepatitis B semasa hamil, bayi anda berisiko mendapat hepatitis B semasa lahir atau tidak lama selepas itu.

Kebanyakan orang dewasa pulih sepenuhnya daripada hepatitis B, dan tidak boleh dijangkiti lagi.

Bagi sesetengah orang dewasa dan kanak-kanak, dan kebanyakan bayi yang dijangkiti hepatitis B, masalah ini berlanjutan menjadi jangkitan kronik (atau sepanjang hayat). Mereka yang menghidap hepatitis B kronik kerap kali berasa sihat, tetapi virus tersebut kekal berada dalam darah mereka selama bertahun-tahun. Hepatitis B kronik boleh berlanjutan menjadi penyakit hati yang serius, termasuk kegagalan hati dan kanser hati, 20 tahun atau lebih selepas jangkitan pertama. Mereka yang menghidap hepatitis B kronik dapat menyebarkan virus kepada orang lain, walaupun mereka berasa sihat dan tidak mengalami apa-apa gejala.

Di Australia, besar kemungkinan anda tidak akan dijangkiti hepatitis B melalui pemindahan darah atau organ.

Bagaimanakah anda dijangkiti hepatitis B?

Virus hepatitis B umumnya disebarkan melalui sentuhan langsung dengan darah dan produk darah yang dijangkiti. Namun, anda juga boleh dijangkiti virus ini melalui bendalir tubuh yang lain termasuk air mani dan bendalir faraj.

Mereka yang menghidap hepatitis B kronik boleh menyebarkan penyakit ini, termasuk daripada ibu kepada anak.

Anda boleh dijangkiti hepatitis B melalui:

- seks faraj, mulut atau dubur dengan penghidap hepatitis B jika anda tidak memakai kondom atau dam/perintang (kepingan lateks nipis yang dilekapkan di kawasan faraj atau dubur semasa seks mulut)
- berkongsi jarum, picagari dan peralatan suntikan dadah lain dengan penghidap hepatitis B
- tugas anda jika melibatkan sentuhan dengan darah atau bendalir tubuh manusia
- [seni hiasan tubuh](#), seperti tatu atau tindik, jika menggunakan peralatan tidak steril
- berkongsi barang peribadi yang mungkin ada kesan darah, seperti pisau cukur, berus gigi dan flos gigi.

Apakah tanda dan gejala hepatitis B?

Kira-kira separuh daripada orang dewasa dan kebanyakan kanak-kanak yang dijangkiti hepatitis B tiada gejala sama sekali. Seseorang orang berasa sihat selama berbulan-bulan sebelum mengalami apa-apa gejala.

Gejalanya termasuk:

- demam
- keletihan yang melampau selama berminggu-minggu atau berbulan-bulan
- hilang selera makan
- loya (rasa mual) dan muntah
- sakit sendi
- mata atau kulit bertukar warna menjadi kuning (jaundis).

Bagaimanakah saya tahu jika saya dijangkiti hepatitis B?

Ujian darah boleh menunjukkan jika anda pernah dijangkiti hepatitis B, dan sama ada jangkitan itu kronik. Ujian lain, seperti fungsi hati, boleh menunjukkan jika terjadi apa-apa kerosakan pada hati.

Berjumpalah dengan doktor secepat mungkin jika berfikir anda mungkin dijangkiti hepatitis B.

Bagaimanakah rawatan hepatitis B?

Jika terdedah kepada hepatitis B, segera berjumpa doktor untuk melihat sama ada anda perlu menjalani ujian atau diberikan vaksin.

Terdapat rawatan untuk hepatitis B kronik yang boleh mengurangkan berlanjutnya kerosakan hati dan kehilangan fungsi hati. Mereka yang menghidap hepatitis B kronik patut dipantau secara berkala (setiap 6-12 bulan) oleh doktor GP bagi mengesan tanda dan gejala penyakit hati.

Jika anda dijangkiti hepatitis B

Anda perlu bekerjasama dengan doktor untuk menjaga diri anda. Pilih doktor yang anda selesa berbincang dan memahami hepatitis B dengan baik.

Penting anda tidak menyebarkan hepatitis B kepada orang lain. Hal ini dapat dilakukan dengan:

- memakai kondom, pelincir berasaskan air dan dam/perintang dengan pasangan seks yang baharu, serta pasangan yang belum memiliki keimunan
- balut semua luka dengan plaster/pembalut kalis air
- berhati-hati agar tidak mendedahkan orang lain kepada darah atau bendalir tubuh anda
- tidak menderma darah, organ atau tisu tubuh
- memastikan anda sentiasa menggunakan jarum dan picagari baharu dan steril, serta air steril, milik anda sendiri. Selain itu, gunakan sudu, swab, turas dan tornikuet milik anda sendiri.

Anda perlu kurangkan risiko jangkitan hati yang lain, seperti [hepatitis A](#) dan [hepatitis C](#). Tanya doktor anda tentang pemvaksinan hepatitis A.

Mereka yang menghidap hepatitis B akut hendaklah jangan minum alkohol.

Mereka yang menghidap hepatitis B kronik patut mengehendkan pengambilan alkohol mengikut [Garis Panduan Alkohol Australia \(laman luaran\)](#) demi meminimumkan risiko kerosakan hati berkaitan alkohol.

Bagaimanakah hepatitis B dapat dicegah?

Ada beberapa cara lain yang mudah bagi melindungi diri daripada hepatitis B dan jangkitan lain:

- **Amalkan hubungan seks yang selamat.** Pakai kondom atau dam/perintang dan pelincir. Risiko jangkitan meningkat apabila bertambah pasangan seks, atau melakukan seks dubur dan/atau seks dengan wanita yang sedang haid.
- **Sebelum mendapatkan apa jua [seni hiasan tubuh](#)** (seperti tatu atau tindik), pastikan artis seni tubuh itu hanya menggunakan peralatan yang disterilkan, serta pisau cukur, dakwat dan jarum baharu setiap kali.
- **Jangan berkongsi alat kebersihan diri**, seperti pisau cukur, sikat, berus kuku dan berus gigi.
- **Jika ada luka berdarah atau kulit melelas**, bersihkan dan balut dengan segera.
- **Pakai sarung tangan dan gunakan tuala kertas (atau kain pakai buang) semasa membersihkan tumpahan darah.** Basuh tempat berdarah itu dengan air sabun, kemudian lap dengan peluntur (bleach) biasa. Masukkan tuala dan sarung tangan itu dalam beg plastik sebelum dibuang dalam tong sampah.

Pekerja penjagaan kesihatan hendaklah sentiasa menggunakan prosedur kawalan jangkitan di tempat kerja.

### **Adakah terdapat vaksin untuk hepatitis B?**

Ya, pemvaksin hepatitis B selamat dan berkesan serta memberi perlindungan terbaik terhadap jangkitan hepatitis B.

Sejak tahun 2000, setiap bayi yang dilahirkan di Australia layak mendapat vaksin hepatitis B percuma semasa lahir dan dos selanjutnya pada usia 2, 4 dan 6 bulan.

Pasangan seks orang yang menghidap hepatitis B kronik dan orang yang tinggal bersama penghidap hepatitis B kronik patut menjalani ujian hepatitis B. Jika tiada keimunan, mereka patut dapatkan vaksin.

Pemvaksin hepatitis B disyorkan untuk orang dewasa yang:

- menyuntik dadah
- bertatu atau bertindik tubuh
- melakukan seks faraj, mulut atau dubur tanpa perlindungan dengan pasangan sambilan
- merupakan pekerja seks
- merupakan lelaki yang berhubungan seks dengan lelaki lain
- menghidap [HIV](#) atau penyakit kronik lain yang menjejaskan sistem imun
- menghidap penyakit hati kronik (termasuk [hepatitis C](#) kronik)
- menjalani dialisis ginjal atau fungsi ginjalnya terjejas teruk
- menerima produk darah tertentu (misalnya menerima produk darah pekat kerana masalah pembekuan darah, atau perlukan pemindahan darah berulang kali)
- menerima pemindahan organ pepejal atau sel tunjang
- berada atau tinggal di kemudahan penjagaan kediaman untuk orang kurang upaya perkembangan
- merupakan penghuni institusi tahanan (penjara)
- merupakan pendatang daripada negara yang lazim mengalami hepatitis B
- melancong ke negara yang lazim mengalami hepatitis B (tanya [dokter GP](#) atau pakar kesihatan pelancongan)
- daripada Masyarakat Asli atau Penduduk Kepulauan Selat Torres
- bekerja dalam industri yang melibatkan sentuhan dengan darah atau bendalir tubuh lain
- merupakan pekerja penjagaan kesihatan.

Sebelum anda diberi vaksin, doktor GP atau pekerja kesihatan mungkin melakukan ujian darah untuk melihat sama ada anda sudah ada keimunan.

Di WA, vaksin hepatitis B diberikan percuma untuk sesetengah kumpulan berisiko tinggi – tanya pembekal pengimunan anda.

Anda juga boleh merujuk kepada:

- [Jadual Pengimunan Kanak-kanak WA](#)
- [Jadual Pengimunan Orang Dewasa WA](#).

Bagi mereka yang menyuntik dadah

Mereka yang menggunakan peralatan suntikan yang telah dipakai penghidap hepatitis B berkemungkinan mendapat hepatitis B. Jarum, picagari atau peralatan suntikan lain itu mungkin mengandungi darah walaupun tidak kelihatan. Darah itu boleh membawa hepatitis B.

Demi mengelakkan dijangkiti hepatitis B, gunakan jarum dan picagari baharu setiap kali menyuntik dadah.

**This document can be made available in alternative formats on request for a person with disability.**

© Department of Health 2025

Copyright to this material is vested in the State of Western Australia unless otherwise indicated. Apart from any fair dealing for the purposes of private study, research, criticism or review, as permitted under the provisions of the Copyright Act 1968, no part may be reproduced or re-used for any purposes whatsoever without written permission of the State of Western Australia.

[health.wa.gov.au](http://health.wa.gov.au)

Classification: Official